

Modul 1 : Panduan Pengguna PSP/SP Sistem OSC Online

Jabatan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan



Version 5 April 2011



Module 1 : PSP/SP

Isi Kandungan

1.0	Pengenalan.....	4
1.1	Platform Untuk Semua	4
1.2	Komponen Sistem OSC Online	4
1.3	Mengenai Rujukan Ini dan e Rujukan.....	6
1.4	Penggunaan Panduan Ini	6
2.0	Mengakses Sistem	7
2.1	Akses Sistem	9
2.1.1	Menu Utama Perkhidmatan	9
2.1.3	Log Masuk PSP/SP	11
2.2	Pendaftaran PSP/SP Baru.....	12
2.2.1	Pilih Pendaftaran	12
2.2.2	Pengisian Maklumat PSP/SP	13
2.2.3	Muat Naik Dokumen	15
2.2.4	Pengesahan Pendaftaran PSP/SP.....	16
3.0	e-Penyerahan	17
3.1	e Permohonan	17
3.1.1	Daftar Projek Baru.....	18
3.1.1.1	Pilih Projek Baru	19
3.1.1.2	Pendaftaran Projek Baru.....	21
3.1.1.3	Semak Projek Baru.....	26
3.1.1.4	Terima Pengesahan.....	27
3.1.2	Penyerahan Permohonan Baru	28
3.1.2.1	Penyediaan Penyerahan	28
3.1.2.2	Cari & Pilihan Projek.....	28
3.1.2.3	Pengesahan Projek	30
3.1.2.4	Pilih Jenis Permohonan dan Isi Maklumat.....	32
3.1.2.5	Pilih Kumpulan Dokumen & Muat Naik Dokumen	34
3.1.2.6	Pengisytiharan.....	37
3.1.2.7	Terima Pengesahan Penghantaran	39
3.1.3	Proses Kemaskini & Pantau Permohonan.....	40
3.1.3.1	Status e-Permohonan	40
3.1.3.2	Permohonan yang perlu dikemaskini sebelum	44
3.1.3.3	Status Pindaan untuk Permohonan Semula selepas.....	48
3.2	e-Permintaan Perkhidmatan	57
3.2.1	Carian Projek	58
3.2.2	Sahkan Projek	59
3.2.3	Pilihan & Isi Permintaan Perkhidmatan	60
3.2.4	Pilihan & Isi Permintaan Perkhidmatan	60
3.2.5	Pengisytiharan	62
3.2.6	Terima Pengesahan	63
4.0	e-Komunikasi.....	64
4.1	e-Rujukan.....	67

Module 1 : PSP/SP

4.2	e-Panduan.....	68
4.3	e-Tanya.....	69
4.4	e-Aduan.....	71
4.5	e-Kad Laporan.....	73
4.6	e-Bayaran.....	76
5.0	Sistem Kemaskini & Pantau.....	78
5.1	Akaun Saya.....	80
5.1.1	Profil Saya.....	81
5.1.2.	Perubahan Kata Laluan.....	82
5.2	Servis Saya.....	83
5.2.1	e-Penyerahan Saya.....	84
5.2.2	e- Permintaan Perkhidmatan Saya.....	87
5.2.3	e-Kad Laporan.....	90
5.2.4	e-Aduan Saya.....	92
5.2.5	e-Tanya Saya.....	94
5.3	Menu Profil Projek.....	97
5.3.1	Pemilik Projek.....	98
5.3.2	Projek.....	101

Module 1 : PSP/SP

1.0 Pengenalan

1.1 Platform Untuk Semua

Selamat Datang ke Sistem **OSC Online**! Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk pengguna berkomunikasi, memproses serahan permohonan dan memproses permohonan untuk kawalan pemajuan (development control) secara online sepenuhnya. Dalam kata lain, ianya adalah satu platform untuk semua pengguna seperti dibawah :-

- i) Orang Awam,
- ii) Principal Submitting Person/Submitting Person (PSP/SP),
- iii) Urusetia OSC,
- iv) Agensi Teknikal Dalaman (AT Dalaman),
- v) Agensi Teknikal Luaran (AT Luaran) dan
- vi) Jawatankuasa OSC.

Ianya disediakan di dalam platform Java yang mempunyai ciri-ciri pelbagai fungsi dan berintegrasi. Panduan ini adalah salah sebuah siri-siri panduan untuk rujukan oleh Pengguna PSP/SP. Panduan-Panduan lain adalah Panduan Rujukan untuk Orang Awam, Urusetia OSC, AT Dalaman, AT Luaran, Jawatankuasa OSC dan juga Pentadbir Sistem.

1.2 Komponen Sistem **OSC Online**

Sistem OSC Online ini membolehkan pengguna Sistem **OSC Online** untuk melaksanakan tugas dalam bentuk elektronik dan dalam talian (online) seperti peringkat-peringkat yang dinyatakan dibawah :-

1. Penyerahan permohonan,
2. Memproses Permohonan,
3. Ulasan untuk Permohonan,
4. Penyediaan Kertas Kerja untuk Mesyuarat OSC, dan
5. Menyelaras Mesyuarat OSC

Peringkat 1 dilaksanakan oleh PSP/SP, Peringkat 2 dan 5 akan dibincangkan di rujukan

Module 1 : PSP/SP

Urusetia **OSC** dan peringkat 3 dan 4 akan dibincangkan di dalam rujukan Agensi Teknikal Dalaman dan Agensi Teknikal Luaran.

Termasuk dalam sistem **OSC Online** ini adalah sistem-sistem seperti dibawah:-

1. **e-Penyerahan.** Ini adalah sistem untuk menyerah semua jenis permohonan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk PSP/SP
2. **e-Pemprosesan.** Ini adalah sistem untuk memprosesan semua jenis perkhidmatan berkenaan dengan Kawalan Pemajuan (Development Control) untuk Urusetia OSC, Jabatan Dalaman, Jabatan Luaran dan Jawatankuasa OSC.
3. Terdapat juga **sistem sokongan e-Komunikasi** sebagai suatu platform komunikasi untuk pengguna-pengguna seperti Orang Awam, PSP/SP. Antara perkhidmatan tersebut adalah e Rujukan, e Panduan, e Tanya , e Aduan, e Kad Laporan dan e Pembayaran.
4. Terdapat juga **sistem sokongan e-Pemantauan** untuk Urusetia OSC melihat dan memantau perkembangan permohonan dan pendaftaran; dan juga maklumbalas untuk pertanyaan, aduan dan pembayaran untuk Urusetia OSC.

Untuk menyenangkan penerangan untuk latihan dan penggunaan, sistem diatas telah diasingkan untuk kegunaan 6 kumpulan pengguna iaitu :-

1. Untuk PSP/SP, adalah **Sistem e-Penyerahan** untuk mereka melakukan permohonan dan permintaan untuk **PSP/SP** dan **sistem sokongan** sebagai sistem sokongan untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, dan e aduan untuk melaksanakan tugas Peringkat 1 seperti diatas.
2. Untuk Orang Awam, adalah **Sistem Sokongan e penyerahan** untuk e rujukan, e panduan, e pertanyaan, maklumbalas dan aduan **Orang Awam**.
3. Untuk Urusetia OSC adalah Sistem **Urusetia OSC Online** untuk melaksanakan tugas Peringkat 2 dan 6 diatas.
4. Untuk AT Dalaman adalah **e Agensi Teknikal Dalaman** untuk melaksanakan 3,

Module 1 : PSP/SP

4 dan 5 diatas.

5. Untuk AT Luaran, e **Agensi Teknikal Luaran untuk** melaksanakan tugas peringkat 3 diatas.
6. Untuk ahli jawatankuasa Mesyuarat OSC, e Jawatankuasa OSC untuk melaksanakan tugas peringkat 5 diatas.

1.3 Mengenai Rujukan Ini dan e Rujukan

Panduan Sistem **OSC Online** ini adalah suatu panduan yang lengkap kepada pengguna untuk mempelajari setiap proses. Ini adalah versi kelima setelah penambahbaikan terhadap Sistem **OSC Online** sendiri memerlukan penambahbaikan terhadap rujukan ini. Disamping itu terdapat ciri-ciri Langkah-Langkah tambahan Proses Online yang telah di terangkan (highlighted). Tambahan kepada Rujukan ini, Perkhidmatan e Rujukan juga akan disediakan di Portal OSC Online. Sila rujuk Perkhidmatan e Rujukan dalam manual ini.

1.4 Penggunaan Panduan Ini

Anda boleh membacanya secara menyeluruh sebagai sebuah buku untuk mengendalikan sistem ini, mungkin pada peringkat permulaan dan seterusnya sebagai rujukan dengan mencari bahan-bahan yang anda inginkan dengan membaca rujukan tajuk-tajuk yang diinginkan.

Sekiranya anda melihat e Rujukan, secara online, hubungan (link) akan berada di dalam sistem untuk layaran yang cepat melalui tajuk-tajuk yang ada. Untuk mereka yang lebih gemar untuk mencetak dan membaca salinan “hardcopy”, sila rujuk kepada isi kandungan untuk mencari tajuk yang ingin anda lihat. Untuk membuat rujukan ini lebih senang difahami, terdapat simbol-simbol tertentu seperti dibawah.

Module 1 : PSP/SP

Penerangan Simbol

Bold di dalam perenggan adalah **arahan, butang, ilustrasi** atau **parameter** yang perlu diisi.

Proses Online adalah untuk rujukan langkah yang perlu dibuat (contoh dibawah).

Proses Online (2.0) : Akses

- i) **Klik** ikon Internet Explorer atau Mozilla Firefox di PC
- ii) **Taipkan nama PBT**, dapatkan url PBT dan klik url tersebut. Tunggu untuk skrin seperti diatas, **ilustrasi 1**.
- iii) **Klik** pautan **OSC Online** dan Skrin **ilustrasi 2** akan dipapar.

Nota adalah panduan tambahan untuk pengguna.

Nota : Nombor dari ruangan navigasi ID Projek akan bertukar dari warna biru ke warna merah jika ID Projek tersebut pernah dilihat sebelum ini.

Tips : adalah panduan tambahan untuk kesan terbaik

Tips : Sila pastikan semua dokumen untuk dimuat naik adalah dalam bentuk pdf yang telah diZipkan untuk muatnaik yang lebih pantas. Sila tutup terminal lain yang memerlukan sokongan Jaringan Internet semasa muat naik kerana terminal lain mungkin akan menyebabkan kesesakan dalam talian di premis anda.

Module 1 : PSP/SP

2.0 Mengakses Sistem

Akses **Sistem OSC Online** merupakan proses yang pertama untuk sistem ini. Untuk **PSP/SP**, akses sistem boleh dicapai dengan mengakses laman web utama PBT melalui perisian Internet Explorer atau Mozilla Firefox yang merupakan perisian layaran internet

Ilustrasi 1: Skrin Utama PBT



terkini.

Module 1 : PSP/SP

2.1 Akses Sistem

Terdapat dua tugas sebelum anda melakukan tugas lain. Dua tugas tersebut adalah :-

2.1.1 Akses Menu Utama Perkhidmatan

2.1.2 Log In.

Sila ikut arahan seterusnya untuk memilih tugasan.

2.1.1 Menu Utama Perkhidmatan

Skrin seperti Ilustrasi 3, iaitu Menu Utama Perkhidmatan akan dipaparkan selepas pemilihan PBT dibuat. Terdapat 2 sistem utama dan 1 sistem pentadbir untuk kemudahan pengguna iaitu:

3.0 e-Penyerahan

3.1 e Permohonan dan

3.2 e Permintaan Perkhidmatan.

4.0 Sistem Sokongan e Penyerahan

4.1 e Rujukan

4.2 e Panduan

4.3 e Tanya

4.4 e Aduan

4.5 e Bayaran

4.6 e Kad Laporan

5.0 Sistem Kemaskini & Pantau

5.1 Akaun Saya

5.2 Servis Saya

5.3 Profil Projek

Terdapat 2 Perkhidmatan untuk **Sistem e Penyerahan**, terdapat 6 Perkhidmatan untuk **Sistem Sokongan e Penyerahan** dan 3 Perkhidmatan dalam **Sistem Pentadbiran**.

Kesemua Sistem dan Perkhidmatan diatas akan diterangkan penggunaannya di dalam

Module 1 : PSP/SP

rujukan ini.

Ilustrasi 2 : Skrin Menu Utama Perkhidmatan

Proses Online (2.1.2) : Pemilihan Perkhidmatan

- i) Klik pautan **Perkhidmatan** pilihan anda (pilih satu pautan dari pilihan 3.1 hingga 5.3 diatas) untuk melakukan tugas.

Module 1 : PSP/SP

2.1.3 Log Masuk PSP/SP

Selepas anda Klik pada butang Perkhidmatan, sebagai langkah keselamatan dan juga untuk akses masuk ke domain (kawasan) anda, anda dikehendaki untuk Log Masuk ke Perkhidmatan. Log Masuk adalah dengan menggunakan Nama Pengguna dan Kata Laluan anda di Skrin Log Masuk seperti di **ilustrasi 3** . Untuk PSP/SP yang belum berdaftar, anda perlulah mendaftar untuk pertama kali memasuki OSC Online.

Bagi PSP/SP baru, dimestikan mendaftar terlebih dahulu untuk menggunakan perkhidmatan e-penyerahan. Sila klik pada navigasi '**Daftar Sini**' yang terdapat pada skrin seperti Ilustrasi 3 di bawah untuk pendaftaran ejen baru.

Ilustrasi 3 : Skrin Log Masuk



Proses Online (2.1.3) : Pilihan


- i) Ejen Berdaftar,
 - a) Taip pada Nama Pengguna
 - b) Taip pada Kata Laluan dan
 - c) Klik butang Log Masuk.
- ii) Ejen yang belum Berdaftar, Klik pautan “ Daftar Sini ”.

Module 1 : PSP/SP

2.2 Pendaftaran PSP/SP Baru

Pendaftaran PSP/SP untuk menjadi pengguna Sistem OSC Online ini adalah kerana ini adalah permohonan elektronik sepenuhnya dan segala permohonan yang dimasuki ke dalam sistem ini dianggap konfidensial dan benar. Setiap PSP/SP perlu untuk bertanggungjawab keatas permohonan atau permintaan yang diadakan di dalam sistem.

2.2.1 Pilih Pendaftaran

Skrin menu seperti Ilustrasi 4 berikut akan terpapar untuk pemilihan jenis pengguna. Sila klik pada but  .

Ilustrasi 4: Menu Jenis Pengguna




Proses Online (2.2.1) : Pilihan

- i) Daftar PSP/SP : Klik butang **Pendaftaran PSP/SP**
- ii) Daftar Orang Awam : Klik pada Butang **Pendaftaran Orang Awam** (sila Klik pada Panduan Pengguna Orang Awam untuk arahan)

Module 1 : PSP/SP

2.2.2 Pengisian Maklumat PSP/SP

Seperti skrin ilustrasi 5 dibawah, PSP/SP dikehendaki memasukkan maklumat yang diperlukan dan medan yang bertanda * , merupakan maklumat yang MESTI diisi.



OSC ONLINE | Sistem Web Rasmi e-Penyerahan | Majlis Perbandaran Manjung | Utama

Borang Pendaftaran PSP

Langkah 1 daripada 2 : Daftar Butiran Individu dan Syarikat

Sila isi maklumat-maklumat di bawah :-

Nama Pengguna * :

Kata Laluan * :

Ulangi Kata Laluan * :

Butiran Individu

Nama PSP * :

No. Kad Pengenalan * : Contoh: 701020145211

Profesion * :

No. Pendaftaran Profesion * :

Nama Syarikat :

Jawatan :

Maklumat Hubungan

Alamat * :

Poskod * :

Bandar * :

Negeri * :

No. Telefon Pejabat * : -

No. Telefon Lain : -

No. Telefon Bimbit * : -

No. Faksimili : -

E-mel 1 * :

E-mel 2 :

*Perlu Diisi

Ilustrasi 5: Skrin langkah 1 untuk Borang Pendaftaran Ejen

Proses Online (2.2.2) : Pengisian maklumat

- i. **Klik** pada **Medan Kosong** untuk menaip maklumat PSP/SP
- ii. **Klik** butang **Teruskan** untuk menghabiskan pengisian dan untuk menghantar pendaftaran.

Nota : Medan yang bertanda * merupakan medan mandatori (MESTI diisi). Sekiranya butang terus diklik tanpa mengisi medan mandatori , paparan mesej amaran akan dipapar.

Module 1 : PSP/SP

2.2.3 Muat Naik Dokumen

PSP/SP yang baru mendaftarkan diri dikehendaki muat naik dokumen yang dikehendaki untuk tujuan pengesahan. Semua dokumen tersebut MESTI dimuat turun. PSP/SP dikehendaki untuk mengimbas dokumen-dokumen yang dikehendaki dan menyimpannya di komputer atau peralatan-peralatan memori anda untuk dicapai oleh sistem.

Ilustrasi 6: Langkah 2 untuk Pendaftaran Ejen Baru



Log Masuk

Nama Pengguna:
 Kata Laluan:

Pengguna Baru? [Daftar Sini](#)

Semakan Online

[OSC e-Pemprosesan](#)

Muat Turun

[Mozilla Firefox v.3.5](#)

Majlis Perbandaran Manjung | [Utama](#)

Sistem Web Rasmi e-Penyerahan

Borang Pendaftaran PSP/SP

Langkah 2 daripada 2 : Muat naik dokumen untuk tujuan pengesahan.

Kad Pengenalan:*

Sijil Pendaftaran Profesional:*

Sijil Pendaftaran Syarikat:

*Wajib diisi(Salinan gambar discan)

Proses Online (2.2.3) : Muat Naik

- i. **Klik** butang “**Browse**” disebelah kanan dokumen yang diperlukan. Skrin untuk “browse” fail dari pengkalan data komputer anda akan tertera untuk pemilihan.
- ii. **Klik** pada **fail** berkenaan untuk di muat naik. **Klik** pada butang **Open** untuk muat naik.
- iii. **Ulangi** aktiviti **i. dan ii.** sehingga semua fail dikehendaki telah dimuat naik.
- iv. **Klik** pada butang “**Hantar**” untuk menghantar fail ke sistem.

Tips : Sila pastikan semua dokumen untuk dimuat naik adalah dalam bentuk pdf yang telah diZipkan untuk muatnaik yang lebih pantas. Sila tutup terminal lain yang memerlukan sokongan Jaringan Internet semasa muat naik kerana terminal lain mungkin akan menyebabkan kesesakan dalam talian di premis.


Module 1 : PSP/SP

2.2.4 Pengesahan Pendaftaran PSP/SP

Paparan pada **Ilustrasi 7** seperti dibawah akan kelihatan menunjukkan permintaan untuk pendaftaran PSP/SP baru berjaya.

Selepas berjaya mendaftar sebagai PSP/SP baru, pergi ke bahagian Log Masuk OSC Online yang berada di sebelah kiri, Bar Navigasi, halaman web. Isi kedua-dua ruang Nama Pengguna dan Kata Laluan seperti yang diisi semasa pendaftaran PSP/SP. Kemudian klik pada butang Log Masuk untuk mengakses masuk ke sistem e-Penyerahan.

Ilustrasi 7: Mesej permintaan untuk pendaftaran PSP/SP baru telah Berjaya



Proses Online (2.2.3) : Pengisian

- i. **Klik** pada **Medan Kosong** disebelah Log Masuk dan Taip nama PSP/SP.
- ii. **Taip** pada **Medan Kosong** disebelah **Kata Laluan**, kata laluan anda
- iii. **Klik** butang **Log Masuk**.

Nota : PSP/SP hanya akan dibenarkan log masuk ke dalam sistem menerima pendaftaran PSP/SP

Module 1 : PSP/SP

3.0 e Penyerahan

Sistem ini membolehkan secara keseluruhan perkhidmatan untuk penyerahan secara online permohonan kawalan pemajuan dan permintaan perkhidmatan berkenaan kawalan pemajuan dilaksanakan,

ianya adalah sistem berintegrasi sepenuhnya untuk perkhidmatan-perkhidmatan PBT seperti permohonan kawalan pemajuan dan perkhidmatan tambahan lain.

Sub Sistem ini merupakan “front end” untuk **Sistem OSC Online** yang dibuka untuk **PSP/SP** untuk membuat permohonan dan permintaan untuk kawalan pemajuan. Semua jenis permohonan dan permintaan dapat dilaksanakan oleh **PSP/SP**. Selepas **PSP/SP** selesai membuat penghantaran permohonan atau permintaan, **Sistem e Pemprosesan** akan mengambil alih tugas untuk melakukan **Penerimaan dan Pemprosesan** sehingga ke tahap kelulusan permohonan atau permintaan.

a) Mengenai Sistem e Penyerahan

Sistem ini adalah sistem yang direka untuk membuat penyerahan perkhidmatan, dari PSP/SP kepada Urusetia OSC untuk permohonan dan permintaan kawalan pemajuan (development control). Terdapat beberapa dua jenis Perkhidmatan iaitu :-

3.1 Perkhidmatan e-Permohonan, dan

3.2 Perkhidmatan e-Permintaan Perkhidmatan

3.1 e Permohonan

a) Gambaran Keseluruhan

Perkhidmatan ini adalah elektronik sistem yang direka untuk membuat penyerahan permohonan untuk kawalan pemajuan (development control).

Terdapat beberapa peringkat untuk perkhidmatan ini, iaitu :-

3.1.1 Daftar Projek.

3.1.2 Penyerahan Permohonan,

3.2.3 Penyerahan Semula Permohonan.

Kesemua peringkat ini adalah tiga proses yang berlainan. Sebelum permohonan boleh diserahkan, setiap permohonan mesti didaftarkan projek terlebih dahulu. Untuk itu,

Module 1 : PSP/SP

pendaftaran projek merupakan peringkat pertama permohonan.

Tetapi untuk projek yang telah berdaftar, untuk permohonan-permohonan terdahulu, projek tidak perlu untuk didaftar semula. Permohonan adalah lengkap dengan menggunakan projek terdahulu yang telah didaftar semasa permohonan lain.

b) Mengenai Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini membolehkan penyerahan permohonan untuk permohonan Kawalan Pemajuan (Development Control).

lanya adalah sistem elektronik berintegrasi sepenuhnya untuk permohonan kawalan pemajuan seperti permohonan-permohonan Perihal Tanah, Kebenaran Merancang, Kelulusan Pelan Bangunan, Kelulusan Pelan Kejuruteraan dan lain-lain yang diserahkan secara Serentak, Kombinasi atau Satu Persatu.

c) Penggunaan Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini adalah untuk menerima dan memproses permohonan-permohonan untuk projek-projek baru dan tambahan untuk projek-projek sedia ada dibawah kawalan pemajuan. Kepada PSP/SP, perkhidmatan ini bertujuan untuk menyerah permohonan dan menyerah keperluan-keperluan PBT seperti dokumen-dokumen, pelan-pelan, laporan-laporan dan lain-lain untuk permohonan dan menghantar template kiraan dan maklumat teknikal untuk semakan pihak jabatan teknikal berkenaan.

d) Akses Perkhidmatan

Dari **Proses Online 2.1.2 : Pemilihan Perkhidmatan**, Sila Klik pada pautan **e-Penyerahan Permohonan** untuk mendapatkan skrin dibawah.

3.1.1 Daftar Projek Baru

Pendaftaran Projek merupakan peringkat pertama untuk membuat permohonan. Sekiranya projek pernah didaftar untuk permohonan terdahulu atau pendaftaran telah dilakukan sebelum ini, sila terus ke proses 3.1.2.

Module 1 : PSP/SP

3.1.1.1 Pilih Projek Baru

Skrin seperti **Ilustrasi 8** di bawah akan terpapar setelah berjaya akses ke Perkhidmatan e-Penyerahan Permohonan. Skrin ini adalah skrin utama untuk penyerahan. Anda perlu untuk melakukan 2 pilihan seperti berikut sebelum meneruskan penyerahan :-

- i) Penyerahan Permohonan untuk Projek Baru, (Sila ke Proses Seterusnya).
- ii) Pilihan Permohonan untuk Projek yang Telah di Daftar (Sila ke Proses 3.1.2)

Ilustrasi 8 : Skrin Pilihan Projek



Langkah 1 daripada 6 : Pilihan projek untuk OSC

Projek BARU? Sila **KLIK DISINI** untuk mendaftar projek baru anda.

Projek yang TELAH DIDAFTAR? Sila pilih projek untuk meneruskan untuk permohonan.

ID Projek :

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Daftar
100001	Cadangan Mendirikan 1 Unit Sekolah Antarabangsa 3-Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 3782, Mukim Manjung, Perak	SP Setia Holdings Sdn.Bhd.	Projek Impak Manjung Tinggi		27 Oct 2010

1 rekod dijumpai.

Proses Online (3.1.1.1) : Pilihan

- i) Klik pautan “Klik Disini” untuk permohonan yang belum berdaftar
- ii) Klik pada **nombor projek** di bawah barisan **ID Projek** untuk pilihan projek dan seterusnya pengesahan profil projek (3.1.2).


Nota : Sila klik pada nombor disenaraikan di bawah untuk mendapatkan mukasurat seterusnya semasa mencari projek yang sedia ada untuk menyenangkan pencarian anda.

Module 1 : PSP/SP

Klik pada Pautan Carian Terperinci untuk membuat carian terperinci untuk maklumat dibawah :-

- i) ID Projek
- ii) Nama Projek
- iii) Pemilik Projek
- iv) Jenis Projek
- v) Mukim
- vi) Tarikh Projek (didaftar).

Ilustrasi 9 : Skrin Carian Terperinci



Majlis Perbandaran Manjung | Utama

Sistem Web Rasmi
e-Penyerahan

Selamat Datang, mazatul [Log Keluar]

Akaun Saya

Profil Saya
Perubahan Kata Laluan

Servis Saya

e-Permohonan Saya
e-Perkhidmatan permintaan Saya
e-Aduan Saya
e-Tanya Saya
e-Kad Laporan Saya
Bantuan/Helpdesk

Profil Projek

Projek
Pemilik Projek

Muat Turun

Panduan PSP/SP
Mozilla Firefox v.3.5

e-Permohonan >> One Stop Center (OSC)

Langkah 1 daripada 6 : Pilihan Projek untuk OSC

Projek BARU? Sila **KLIK DISINI** untuk mendaftar projek baru anda.
ATAU

Projek yang **TELAH DIDAFFTAR?** Sila pilih projek untuk meneruskan untuk permohonan.

ID Projek :

Nama Projek :

Pemilik Projek :

Jenis Projek :

Mukim :

Tarikh Projek Mengikut Bulan : Tahun :

Carian Terperinci

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Daftar
100001	Cadangan Mendirikan 1 Unit Sekolah Antarabangsa 3-Tingkat Di Atas Sebahagian Lot 3782, Mukim Manjung, Perak	SP Setia Holdings Sdn.Bhd.	Projek Impak Tinggi	Manjung	27 Oct 2010

1 rekod dijumpai.

** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel **
Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.
System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide.

Proses Online (3.1.1.1) : Pilihan


- iii) Taip di ruang kosong untuk **ID Projek**, **Nama Projek** dan **Pemilik Projek**, kemudian klik pada **Carian** untuk membuat carian.
- iv) Klik pada “**Dropdown**” **Jenis Projek**, **Mukim** dan **Tarikh** untuk membuat sisan.

Module 1 : PSP/SP

3.1.1.2 Pendaftaran Projek Baru

Skrin ini adalah untuk mendaftarkan projek baru. Terdapat 2 aktiviti untuk melengkapkan pendaftaran. Pertama adalah pilihan dan pengisian maklumat yang diperlukan dan kedua adalah menyimpan permohonan. Maklumat yang bertanda * perlu diisi oleh ejen. Selesai semua maklumat diisi, sila klik pada butang daftar untuk pendaftaran projek baru.

Ilustrasi 10 : Skrin Borang Pendaftaran Projek baru



The screenshot shows the 'e-Penyerahan' (e-Tendering) system interface for Majlis Bandaraya Petaling Jaya. The page title is 'Sistem Web Rasmi e-Penyerahan'. The main content area is titled 'Profil Projek >> Projek' and contains the following fields and options:

- Pihak Berkuasa Tempatan:**
 - Pihak Berkuasa Tempatan:* Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Projek:**
 - Pemilik Projek:* -Pilih-
 - Kategori Projek:*
 - Projek Biasa
 - Projek Berkonsepkan Bina Kemudian Jual
 - Projek Impak Tinggi
 - Projek Pelaburan Asing
 - Projek Kerajaan
 - Projek Dengan Rancangan Tempatan: Ya Tidak
 - Projek Dengan Rancangan Struktur: Ya Tidak
 - Skala Projek: Kecil Sederhana Besar
 - Nama Projek:* [Empty text box]
 - Keadaan Tapak Sedia Ada: [Empty text box]
 - [Browse... button]
 - Melibat Setinggan di Tapak:* Ya Tidak
 - Melibat Perobohan Bangunan:* Ya Tidak
 - Keluasan Tapak Keseluruhan(ekar):* [Empty text box]
 - Keluasan Tapak Diperuntukan(ekar):* [Empty text box]
 - Taraf Milik Tanah:* Bumiputera Bukan Bumiputera
 - Pemilik Tanah:

No Lot	No Hakmilik Tanah	Seksyen/ Mukim	Daerah	Jenis Tanah	Penggunaan Tanah	Syarat Nyata	Tindakan
Tiada rekod dijumpai.							

At the bottom of the form, there is a yellow button labeled 'Daftar Pemilik Tanah'.


Proses Online (3.1.1.2) : Pilihan

- i. Klik butang **Dropdown** untuk **Pilih Maklumat** dan **Taip** pada **Medan Kosong** untuk menaip Maklumat Projek.

Module 1 : PSP/SP

Apabila “dropdown” pertama dipilih, iaitu merupakan pilihan Pemilik Projek, sekiranya nama pemilik projek tiada dalam pilihan “drop down”, tekan pautan **Pendaftaran Pemilik Projek (Jika Tiada)** dan skrin dibawah untuk membuat pendaftaran Pemilik Projek akan tertera.

Ilustrasi 10a : Tambah Pemilik Projek Baru



Project Owner Registration - Mozilla Firefox
 http://219.95.163.69:8086/eOSC/secure/agent/projectOwnerRegistrationPopU

Profil Projek >> Pemilik Projek

Nama Pemilik Projek :

Nama Syarikat :

No. Pendaftaran Syarikat :

Alamat* :

Poskod* :

Bandar* :

Negeri* :

No. Telefon Pejabat* : -

Laman Web Syarikat :

Emel :

* Perlu diisi


Proses Online (3.1.1.2) : Isi Maklumat

- ii. **Taip** pada maklumat yang diperlukan dalam **Kotak Kosong** disebelah maklumat yang diperlukan.
- iii. **Klik** pada butang **Semula** untuk membuat semula pengisian maklumat
- iv. **Klik** pada butang **Hantar** untuk membuat pendaftaran pemilik projek baru.

Module 1 : PSP/SP

Sekiranya butang **Simpan** diklik tanpa mengisi medan mandatori , mukasurat 11 akan dipapar semula dengan mesej “**diperlukan**” ditepi medan yang perlu diisi.

Ilustrasi 11 : Skrin Paparan Maklumat Diperlukan



Proses Online (3.1.1.2) : Pilihan


- v. **Klik** butang **Pilih Maklumat** dan **Taip** pada **Medan Kosong** untuk menaip Maklumat Projek.
- vi. **Klik** pada butang **Daftar Perihal Tanah** untuk membuat pendaftaran maklumat Tanah
- vii. **Klik** butang **Simpan dan Seterusnya** untuk menyimpan maklumat yang diisi.

Tips : Anda boleh Potong dan Tampil (Cut and Paste) maklumat yang diperlukan dari dokumen dalam perisian lain seperti yang diperlukan dan untuk kesenangan untuk maklumat-maklumat yang panjang.

Module 1 : PSP/SP

Setelah butang Daftar Perihal Tanah ditekan, skrin daftar Perihal Tanah akan tertera. Sila isi maklumat dan pilih maklumat dropdown.

Ilustrasi 11 a: Skrin Daftar Perihal Tanah.



The screenshot shows a web browser window titled "Pemilik Tanah - Mozilla Firefox". The address bar displays the URL: <http://219.95.163.69:8086/eOSC/secure/agent/pemiliktanah.new?ProjectIDUrI=-1>. The page content is titled "Pemilik Tanah" and contains the following form fields:

- Nama *:
- No. Kad Pengenalan *:
- No. Lot Tanah/PT *:
- No. Hak Milik :
- Tempoh Pajakan :
- Seksyen/ Mukim *:
- Daerah *:
- Negeri *:
- Penggunaan Tanah *:
- Syarat Nyata :
- Sekatan-sekatan Kepentingan :


Below the form fields, there is a red asterisk warning: *** Perlu Diisi**. At the bottom of the form, there are two buttons: "Semula" and "Simpan".

Proses Online (3.1.1.2) : Pilih dan Isi Maklumat

- viii) **Klik** pada butang "**Dropdown**" untuk memilih maklumat dan **Taip** pada **Kotak Kosong** untuk mengisi maklumat yang diperlukan.
- ix) **Klik** pada butang **Semula** untuk memadam semua isian dan melakukan pengisian dan pilihan semula.
- x) **Klik** pada butang **Simpan** untuk mendaftar maklumat ke sistem.

Module 1 : PSP/SP

Selepas semua maklumat diisi dan dipilih, paparan mesej seperti di ilustrasi 12 akan keluar untuk memberi peringatan kepada pengguna untuk mengisi data teknikal projek. Klik butang “OK” untuk proses seterusnya.



Ilustrasi 12 : Skrin Paparan amaran

Proses Online (3.1.1.2) : Pilihan & Pengisian Maklumat

- xi. Klik butang Ok untuk meneruskan pendaftaran.

Module 1 : PSP/SP

3.1.1.3 Semak Projek Baru

Seterusnya, skrin seperti **Ilustrasi 13** berikut akan dipaparkan dimana ia adalah maklumat yang telah anda masukkan semasa pendaftaran dibuat. Anda perlu untuk menyemak maklumat yang telah tertera sebelum menyerahkan Profil Projek ini kepada Urusetia OSC. Sila isi maklumat tambahan yang diperlukan untuk kiraan-kiraan untuk permohonan-permohonan yang tertera. Sila Pergi ke proses 5.3.2 dan seterusnya.

Ilustrasi 13 :Skrin Semak Profil Projek



Majlis Perbandaran Kuantan | Utama

Selamat Datang, **mazatul** [Log Keluar]

Akaun Saya
 Profil Saya
 Perubahan Kata Laluan

Servis Saya
 e-Penyerahan Saya
 e-Perkhidmatan permintaan Saya
 e-Aduan Saya
 e-Tanya Saya
 e-Kad Laporan Saya
 Bantuan/Helpdesk

Profil Projek
 Projek

Muat Turun
 Mozilla Firefox v.3.5

Profil Projek>>Projek

– **Projek** –

ID Projek : 100008
 Kategori Projek : Projek Kerajaan
 Nama Projek : Cadangan Membina dan Menyiapkan Bangunan Dewan Orang Ramai, Bekalan di Jalan 25/31B, Jinjang Selatan Tambahan, Kuala Lumpur
 Pemilik Projek : Sunway Berhad
 Projek dengan Rancangan Tempatan : Tidak

Jenis Pembangunan dan Bangunan							
Jenis Pembangunan	Jenis Bangunan	Bilangan Unit	Bilangan Tingkat	Luas Bangunan Seunit(Kaki Persegi, kp)	Jumlah Luas Bangunan(Kaki Persegi, kp)	Penduduk Kediaman (PE)	Tindakan
Tiada rekod dijumpai.							1

Daftar Jenis Pembangunan

Kedudukan Tapak Sediada : Keadaan yang memuaskan
 Melibat Setingan di Tapak : Tidak
 Melibat Perubahan Bangunan : Tidak
 Status Pemajuan : Belum Dijalankan
 Status Kerja Pembinaan Bangunan : Belum Dijalankan
 Bilangan Struktur Yang Akan Dirobohkan : 0
 Keluasan Tapak Keseluruhan(ekar) : 100.0
 Keluasan Tapak Diperuntukan(ekar) : 120.0
 Taraf Milik Tanah : Bumiputera

Lokasi Projek

Lot Tanah : 4555
 Lokasi(Nama Jalan) : Jalan 25/31B
 Daerah : Selatan
 Seksyen/Mukim : Selatan 1
 Kawasan Parlimen : Batu
 Kawasan DUN : Tidak Berkaitan
 Zon :
 Perlinkungan Pelan Rancangan Tempatan :
 Perlinkungan Pelan Rancangan Dasar :
 No. Pelan Kawasan Kawalan :

– **Ketumpatan Dan Nisbah Pelot** –

Kategori Pembangunan : Lain-lain

Nama PSP : mazatul ahmad **Hantar Penyerahan Baru Untuk PSP Ini**

Proses Online (3.1.1.3) : Muat Naik

- i) Puashati dengan semakan anda : Klik butang **Serah Profil Projek** untuk menyerahkan profil.
- ii) Perlu untuk Edit Profil Projek anda :
 - a) Klik pada **Profil Projek** (di sebelah kiri mukasurat bertanda kotak merah) di Bar Navigasi untuk edit Profil Projek.
 - b) Klik pada **Nombor ID Projek** untuk melihat atau Klik butang aktif **Edit** untuk mengedit Profil Projek

3.1.1.4 Terima Pengesahan

Setelah itu, sistem akan menyatakan permintaan anda berjaya diproses. Sila klik pautan Utama untuk menutup halaman 'popup' tersebut.

Ilustrasi 14 : Mesej menyatakan bahawa permintaan telah berjaya diproses



The screenshot shows the OSC ONLINE e-Penyerahan system interface. The header includes the OSC ONLINE logo, the Malaysian coat of arms, and the text 'Sistem Web Rasmi e-Penyerahan'. Below the header, the page title is 'Majlis Perbandaran Kuantan' and there is a 'Utama' link. The left sidebar contains navigation options: 'Selamat Datang, mazatul [Log Keluar]', 'Akaun Saya', 'Profil Saya', 'Perubahan Kata Laluan', 'Servis Saya', 'e-Permohonan Saya', 'e-Perkhidmatan permintaan Saya', 'e-Aduan Saya', 'e-Tanya Saya', 'e-Kad Laporan Saya', 'Bantuan/Helpdesk', 'Profil Projek', 'Projek', 'Pemilik Projek', and 'Muat Turun'. The main content area displays a success message: 'Permintaan yang dibuat berjaya!' followed by a confirmation box containing the following details: 'Pendaftaran projek anda telah BERJAYA! Terima kasih. Halaman ini akan kembali sebentar lagi', 'ID Projek : 100009', 'Nama Projek : Projek 200 unit Perumahan Berkembar setingkat diatas tanah Plot 1234567 HS(D) 12345 Mukim of Kuala Kuantan Daerah Kuantan, Kuantan', and 'Kategori Projek : Projek Biasa'.

Proses Online (3.1.1.5) : tutup

- i) Klik pautan **Utama** untuk menyelesaikan penyerahan ini.

Module 1 : PSP/SP

3.1.2 Penyerahan Permohonan Baru

Penyerahan Permohonan akan merupakan perkhidmatan yang paling kerap digunakan oleh PSP/SP kerana setiap projek mempunyai lebih dari satu permohonan untuk tujuan pemajuan. Disamping itu, permohonan merangkumi penyerahan segala laporan, lukisan-lukisan pamajuan dan maklumat teknikal pemajuan yang membolehkan permohonan ditimbang untuk kelulusan.

3.1.2.1 Penyediaan Penyerahan

Sebelum membuat permohonan pastikan :-

- i) Plan seperti pelan susunatur, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan pelan-pelan lain akan di tukarkan ke bentuk format PDF dan di Zip.
- ii) Laporan Laporan LCP, EIA dan TIA akan di tukarkan ke bentuk format PDF dan di Zip.
- iii) Dokumen sokongan seperti dokumen tanah, resit, cetakan dan sebagainya akan di tukarkan ke bentuk format PDF dan di Zip.

Saiz fail yang disyorkan adalah 3MB selepas di ZIP untuk muat naik yang pantas. Dokumen yang di serah dalam format elektronik mestilah dari sumber yang berkenaan sekiranya fail imbasan diperlukan. Resolusi imbasan adalah disyorkan tidak melebihi 200 pixel untuk mengelakkan fail-fail yang besar untuk di muat naik.

3.1.2.2 Cari & Pilihan Projek

Skrin seperti **ilustrasi 15** di bawah akan terpapar setelah berjaya akses ke Perkhidmatan e-Penyerahan. Skrin ini adalah skrin utama untuk penyerahan seperti di **ilustrasi 9** di atas. Anda perlu untuk melakukan 2 pilihan seperti berikut sebelum meneruskan penyerahan :-

- i) Penyerahan Permohonan untuk Projek Baru, (Sila ke Proses 3.1.1)
- ii) Pilihan Permohonan untuk Projek yang Telah di Daftar.

Module 1 : PSP/SP

Sebelum membuat pilihan permohonan, anda perlu mencari projek pilihan. Klik pada pautan Carian Terperinci untuk mendapatkan beberapa cara untuk mencari iaitu :-

- i) ID Projek
- ii) Nama Projek
- iii) Pemilik Projek
- iv) Jenis Projek
- v) Mukim
- vi) Tarikh Projek (didaftar).

Setelah mencari dan mendapat **ID Projek** yang anda cari, tekan pautan **ID Projek** tersebut untuk mendapatkan maklumat projek.

Ilustrasi 15 : Skrin Carian Projek



The screenshot shows the OSC e-Permisian website interface. The main content area is titled 'Langkah 1 daripada 6 : Pilihan Projek untuk OSC'. It contains a search form with the following fields:

- Projek BARU? Sila **KLIK DISINI** untuk mendaftar projek baru anda.
- ATAU
- Projek yang TELAH DIDAFTAR? Sila pilih projek untuk meneruskan untuk permohonan.
- ID Projek :
- Nama Projek :
- Pemilik Projek :
- Jenis Projek :
- Mukim :
- Tarikh Projek Mengikut Bulan : Tahun :
-

Below the search form, there is a 'Carian Terperinci' section with a table of results:

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Daftar
100055	Sunway lagoon 2	Sunway Berhad	Projek Biasa	Kuantan	28 Feb 2011

1 rekod dijumpai.

Proses Online (3.1.2.2) : Cari & Piih Projek

i. Cari projek :

- a) **Taip** ID Projek di **ruang kosong** bersebelahannya dan klik butang cari.
- b) **Klik** butang **Dropdown** untuk membuat sisihan **Jenis Permohonan**.
- c) **Klik** pautan **Tajuk** di barisan atas maklumat untuk sisihan.

ii. Setelah berjumpa dengan ID Projek yang anda cari :

- a) **Klik** pautan **ID Projek** untuk melihat dan mengesahkan Profil Projek.

Module 1 : PSP/SP

3.1.2.3 Pengesahan Projek

Setelah klik pada **ID projek** tersebut, skrin seperti **ilustrasi 16** di bawah akan terpapar, menunjukkan langkah 2 daripada 6 bagi e-Permohonan iaitu Pengesahan Projek. **PSP/SP** dikehendaki mengesahkan maklumat projek yang dipilih adalah yang betul. Terdapat dua pilihan :-

- i. **Sekiranya Tidak** : **PSP/SP** yang ingin menukar projek untuk proses ini, sila klik butang **kembali** untuk ke halaman sebelumnya dengan mengulang langkah 1 dengan proses pemilihan projek.
- ii. **Sekiranya Betul** : Untuk ke langkah seterusnya. Tekan butang **Seterusnya**.

Ilustrasi 16 : Skrin Pengesahan Projek



Proses Online (3.1.2.3) : Pengesahan

- i) Klik butang **Kembali** untuk ke halaman sebelumnya.
- ii) Klik butang **Seterusnya** untuk mengesahkan projek ini.

Module 1 : PSP/SP

Sebelum langkah seterusnya, peringatan seperti **ilustrasi 17** di bawah akan dipaparkan. Sekiranya data teknikal bagi projek ini sudah dilengkapkan, sila klik butang 'OK' untuk proses seterusnya. Jika sebaliknya, klik butang 'Batal'.



The screenshot shows the OSC e-Permyahan system interface. The main content area displays a warning message in a dialog box: "Anda perlu melengkapkan data-data Profil Projek dengan lengkap sebelum meneruskan proses permohonan projek ini." Below the message are two buttons: "OK" and "Batal". The "OK" button is highlighted with a red box. The background shows the project details for ID 100006, owned by SP Setia Holdings Sdn.Bhd.

Ilustrasi 17: Mesej peringatan : PSP/SP perlu melengkapkan data-data teknikal untuk profil projek sebelum meneruskan proses penyerahan yang selanjutnya

Proses Online (3.1.2.3) : OK

- i) Klik butang **OK** untuk meneruskan tugas

Module 1 : PSP/SP

3.1.2.4 Pilih Jenis Permohonan dan Isi Maklumat

Setelah pengesahan projek dibuat, skrin untuk langkah 3 seperti di **ilustrasi 18** akan kelihatan iaitu untuk Pemilihan Jenis Permohonan. Anda dikehendaki untuk memilih jenis permohonan dan mengisi nama permohonan.

Ilustrasi 18 : Skrin Pilihan Jenis Permohonan Bahagian 1



The screenshot shows the 'e-Persewaan >> One Stop Center (OSC)' interface. The page title is 'Majlis Perbandaran Kuantan' and the user is logged in as 'mazatul'. The current step is 'Langkah 3 daripada 6: Pilihan Jenis Permohonan'. The user is prompted to 'Sila pilih permohonan yang anda inginkan untuk proses muat naik dokumen :-'. The project details are: ID Projek: 100055, Nama Projek: Sunway lagoon 2, and Pemilik Projek: Sunway Berhad. A list of 23 alternative application types (A01 to A23 and B01 to B05, C01, D01, D02) is provided for selection. The 'Nama Permohonan' field is currently empty.

Sistem Web Rasmi e-Persewaan

Majlis Perbandaran Kuantan | Utama

Selamat Datang, mazatul [Log Keluar]

Akaun Saya

Profil Saya
Perubahan Kata Laluan

Servis Saya

e-Permohonan Saya
e-Perkhidmatan permintaan Saya
e-Aduan Saya
e-Tanya Saya
e-Kad Laporan Saya
Bantuan/Helpdesk

Profil Projek

Projek
Pemilik Projek

Muat Turun

Panduan PSP/SP
Mozilla Firefox v.3.5

e-Persewaan >> One Stop Center (OSC)

Langkah 3 daripada 6: Pilihan Jenis Permohonan

Sila pilih permohonan yang anda inginkan untuk proses muat naik dokumen :-

ID Projek : 100055
Nama Projek : Sunway lagoon 2
Pemilik Projek : Sunway Berhad
Alternatif Permohonan (Kombinasi Tetap)

- A01 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
- A02 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
- A03 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN) + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
- A04 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan
- A05 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan
- A06 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan
- A07 Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
- A08 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN) + Kebenaran Merancang
- A09 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN) + Kebenaran Merancang
- A10 Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan
- A11 Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan
- A12 Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan
- A13 Kebenaran Merancang
- A14 Pelan Kejuruteraan
- A15 Pelan Kerja Tanah
- A16 Pelan Jalan dan Perparitan + Pelan Lampu Jalan
- A17 Pelan Lanskap
- A18 Pelan Cadangan Nama Taman/Bangunan
- A19 Pelan Cadangan Nama Jalan
- A20 Pelan Lampu Jalan
- A21 Pelan Jalan dan Perparitan
- A22 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN)
- A23 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204D, KTN)
- A24 Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan
- B01 Pelan Bangunan
- B02 Permit Pembinaan Kecil
- B03 Permit Sementara Bangunan
- B04 Pelan Pembersihan (Sanitari)
- B05 Pelan Konkrit Tetulang
- C01 Permohonan CFO
- D01 Borang-borang G1-G21
- D02 Pengemukaan CCC

Nama Permohonan :

Ilustrasi 19: Isi dan hantar Maklumat : Bahagian 2

- A16 Pelan Jalan dan Perparitan + Pelan Lampu Jalan
- A17 Pelan Lanskap
- A18 Pelan Cadangan Nama Taman/Bangunan
- A19 Pelan Cadangan Nama Jalan
- A20 Pelan Lampu Jalan
- A21 Pelan Jalan dan Perparitan
- A22 Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN)
- A23 Perihal Tanah- Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula (Seksyen 204)
- A24 Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan
- B01 Pelan Bangunan
- B02 Permit Pembinaan Kecil
- B03 Permit Sementara Bangunan
- B04 Pelan Pembersihan (Sanitari)
- B05 Pelan Konkrit Tetulang
- C01 Permohonan CFO
- D01 Borang-borang G1-G21
- D02 Pengemukaan CCC

Nama Permohonan :

Sejarah Permohonan :

ID Permohonan	Jenis Permohonan	Tarikh Permohonan	Status
100055-2	A17-Pelan Lanskap	16 Mar 2011 12:36	Permo

Proses Online (3.1.2.4) Pilih dan Isi Maklumat

- i) Klik butang **Pilihan** untuk jenis permohonan.
- ii) Taip pada **Medan Pengisian Nama Permohonan** untuk permohonan anda seperti dalam permohonan manual biasa.
- iii) Klik butang **Seterusnya** untuk melakukan tugas seterusnya.

Nota : Sekiranya PSP/SP pernah membuat penyerahan untuk mana-mana jenis permohonan di atas untuk projek ini, senarai permohonan yang telah dibuat akan kelihatan di ruang 'Sejarah penyerahan' seperti di Ilustrasi 19.

Tips : Dibawah halaman terdapat senarai e-permohonan sebelum ini yang telah dihantar untuk rujukan anda.

Module 1 : PSP/SP

3.1.2.5 Pilih Kumpulan Dokumen & Muat Naik Dokumen

Skrin seperti **ilustrasi 20** berikut akan dipaparkan setelah pemilihan jenis permohonan dibuat untuk langkah ke 4 iaitu Muat Naik Dokumen untuk penyerahan. Langkah ini terbahagi kepada dua iaitu :

- i. Pilih Kumpulan Dokumen untuk setiap Jabatan seperti di ilustrasi 20, Sila selesaikan muat naik untuk semua Jabatan.
- ii. Muat Naik Dokumen seperti di ilustrasi 21.

Ilustrasi 20: Skrin Dokumen Dimuat naik untuk Penyerahan



The screenshot displays the 'e-Permohonan >> One Stop Center (OSC)' interface. The main heading is 'Langkah 4 daripada 6 : Dokumen dimuat naik untuk penyerahan'. Below this, there is a detailed list of project information:

- ID Projek : 100055
- Nama Projek : Sunway lagoon 2
- Pemilik Projek : Sunway Berhad
- ID Permohonan : 100055-4
- Jenis Permohonan : A22-Perihal Tanah-Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN)
- Nama Permohonan : Pelan Perihal Tanah 124 A

Below the project details, there are several red text warnings regarding required documents from various agencies:


- Dokumen yang diperlukan oleh Land Control - Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 124A, KTN)
- Dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
- Dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Dokumen yang diperlukan oleh Tenaga Nasional Berhad
- Dokumen yang diperlukan oleh Pegawai Tanah Dan Daerah Kuantan

At the bottom of the main content area, there are three buttons: 'Kembali', 'Batal', and 'Seterusnya'.

Proses Online (3.1.2.5) : Pilihan

- i) Klik pautan **Kumpulan Dokumen Jabatan** untuk Jabatan-Jabatan yang memerlukan dokumen tersebut untuk penilaian.

Ilustrasi 21: Skrin Dokumen Kebenaran Merancang dimuat naik untuk Penyerahan



Proses Online (3.1.2.5) : Muat Naik Dokumen


- i) Klik butang “**Browse**” disebelah kanan dokumen yang diperlukan. Skrin untuk “browse” fail dari pengkalan data komputer anda akan tertera untuk pemilihan.
- ii) Klik fail **terbabit** untuk di muat naik. Sila tunggu proses berakhir sebelum ke proses seterusnya.
- iii) **Ulangi aktiviti i) dan ii)** sehingga semua fail permohonan telah dimuat naik dan **Klik** butang **Tutup** setelah selesai muat naik untuk semua Jabatan.
- iv) Apabila semua Dokumen Jabatan telah di muat naik, **Klik** butang **Seterusnya (pada ilustrasi 22)** untuk menyelesaikan muat dokumen jabatan.


Nota : Peringatan : Jenis dokumen yang bertanda * , merupakan dokumen yang MESTI diisi.

Tips : Sila pastikan semua dokumen untuk dimuat naik adalah dalam bentuk pdf yang telah diZipkan. Sila tutup terminal lain yang memerlukan sokongan Jaringan Internet semasa muat naik kerana terminal lain mungkin akan menyebabkan kesesakan semas muat naik.

Module 1 : PSP/SP

Ilustrasi 22: Skrin menunjukkan tanda 'check' dokumen yang telah dimuat naik



Pada senarai muat naik dokumen, terdapat ikon  di sebelah senarai dokumen, seperti pada Ilustrasi 21. Tanda ini menunjukkan bahawa dokumen tersebut telah dimuat naik.

Jika hendak memuat naik semula dokumen yang baru, anda boleh berbuat demikian pada senarai dokumen yang hendak dimuatnaik sahaja tanpa perlu memuat naik semua dokumen semula.

Setelah semua dokumen berjaya dimuat naik, klik buta untuk menutup tettingkap muat naik dokumen Kebenaran Merancang.

Kembali ke skrin seperti Ilustrasi 21, dan lakukan proses muat naik seterusnya, dengan klik ke navigasi-navigasi seperti 'Dokumen yang diperlukan bagi JPBD', 'Dokumen yang diperlukan bagi JKR' dan sebagainya. Proses muat naik dokumen adalah sama sebagaimana proses muat naik 'Dokumen yang diperlukan oleh Kebenaran Merancang'.

Setelah semua dokumen yang diperlukan berjaya dimuat naik, anda perlu klik butang

untuk ke Langkah seterusnya.

Module 1 : PSP/SP

3.1.2.6 Pengisytiharan

Setelah menekan butang Seterusnya di Skrin ilustrasi 20, anda tidak semestinya telah menghabiskan proses penyerahan. Anda aada dua pilihan iaitu :-

- i) Menekan butang Ditanggung untuk Kemaskini untuk tidak menghantar ke Urusetia OSC dan menangguh penghantaran permohonan.
- ii) Menekan butang Saya Setuju ke Urusetia OSC untuk menghantar permohonan ke Urusetia OSC.

Ilustrasi 23: Skrin Pengisytiharan



Proses Online (3.1.2.6) : Pengisytiharan Lengkap

- i) Klik butang **Saya Setuju & Hantar ke Urusetia OSC** untuk membuat pengisytiharan permohonan yang telah lengkap.
- ii) Klik butang **Ditanggung untuk kemaskini** untuk tidak menghantar ke Urusetia OSC dan menangguhkan penghantaran permohonan.

Nota : Peringatan : Sila ke Proses 3.1.3 untuk membuat penghantaran semula permohonan yang tidak lengkap.

Module 1 : PSP/SP

Skrin sebagai peringatan akan tertera meminta anda untuk membuat penghantaran “hard copy” dalam masa yang ditetapkan oleh pengurusan PBT.

Ilustrasi 24: Skrin Status Permohonan.



Proses Online (3.1.2.6)

iii) Klik butang **OK** untuk ke aktiviti seterusnya

Tips : Sila hantar salinan kertas (hardcopy) didalam masa yang diperuntukkan atau anda terpaksa untuk membuat permohonan baru.

Module 1 : PSP/SP

3.1.2.7 Terima Pengesahan Penghantaran

Skrin seterusnya seperti **Ilustrasi 25** adalah paparan status permohonan yang dibuat telah berjaya. Sila klik butang **Hantar Untuk Permintaan Lain** untuk meneruskan kerja-kerja di **e Penyerahan** atau **Log keluar** untuk penamatkan tugas.



Ilustrasi 25: Skrin Status Permohonan

Proses Online (3.1.2.7) : Pengesahan

- i) Klik butang **Hantar untuk Permintaan Lain** untuk aktiviti seterusnya untuk projek yang sama.
- ii) Klik pautan **Log Keluar** di Bar Navigasi untuk menamatkan tugas.

Module 1 : PSP/SP

3.1.3 Proses Kemaskini & Pantau Permohonan

Proses Kemaskini & Pantau permohonan adalah proses untuk membuat kemaskini dan pemantauan untuk permohonan-permohonan. Terdapat 3 keadaan terdiri dari tiga status iaitu: -

- i) **Status e Permohonan** adalah untuk PSP/SP membuat pemantauan untuk permohonan yang sedang diproses oleh Urusetia OSC, AT Dalam/Luaran dan untuk melihat ulasan penguatkuasa.
- ii) Status **Permohonan yang perlu dikemaskini sebelum Penyerahan** adalah untuk PSP/SP membuat kemaskini permohonan setelah menekan butang **Ditanggung untuk dikemaskini** pada ilustrasi 23, dan
- iii) Status **Pindaan untuk Penyerahan Semula selepas Penyerahan** adalah untuk PSP/SP membuat penyerahan semula untuk permohonan yang tidak lengkap setelah disemak oleh Urusetia OSC dan untuk permohonan yang tidak mematuhi setelah disemak oleh AT Dalam yang membuat senakan pematuhan.

3.1.3.1 Status e-Permohonan

Dari ilustrasi 26 dibawah, apabila pautan **ID Permohonan** dalam kumpulan Status e-Permohonan dipilih, skrin seperti ulistrasi 27 akan tertera. Anda boleh menyemak status permohonan. Dibawah Status e-Permohonan juga anda boleh menekan pautan "**Lihat**" untuk melihat ulasan dari penguatkuasa.

Ilustrasi 26: Skrin Senarai e-Penyerahan Saya



Sistem Web Rasmi e-Penyerahan Kuantan

Majlis Perbandaran Kuantan

